

20/02/2003

Lima pulau mungkin diwartakan sebagai taman laut

KUALA LUMPUR: Lima pulau dalam gugusan kepulauan Pulau Sembilan, Perak, mungkin diwartakan sebagai taman laut bagi melindungi dan menguruskan sumber ikan di sekitar perairan pulau berkenaan.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Datuk Hashim Ahmad berkata, jika pewartaan pulau yang terletak kira-kira 10 batu nautika dari Pulau Pangkor

itu diluluskan, bermakna 45 pulau di perairan Malaysia mendapat taraf Taman Laut Malaysia.

Katanya, jika cadangan diluluskan, kawasan dalam jarak dua batu nautika

dari pantai pulau akan dimasukkan dalam kawasan taman laut, sekali gus sesetengah aktiviti yang berpotensi menyebabkan kemusnahan terhadap terumbu karang dan hidupnya akan diharamkan.

Ini termasuk perikanan, penggunaan serampang, mengutip serta membawa keluar karang, cengkeram dan pasir, pencemaran, pembuangan sampah selain melabuhkan sauh di kawasan terumbu.

"Had turut dikenakan terhadap aktiviti seperti rekreasi dan pelancongan

eko supaya kemasukan pelawat tidak melebihi kapasiti maksimum.

"Setakat ini, kami masih menjalankan kajian dan dialog dengan kerajaan negeri. Cadangan penubuhan ini dibuat oleh kerajaan negeri apabila melihat

hasil termasuk stok ikan yang berkekalan dan kepelbagaian spesies di ekosistem itu berikutan pewartaan beberapa kepulauan sebelum ini.

"Laut terpaksa menerima pelbagai pencemaran hasil aktiviti manusia sama

ada di darat mahupun di laut. Jika tidak ada kawalan dari sekarang, pada masa depan mungkin tiada ikan, yang tinggal hanya air saja," katanya pada

sidang akhbar di Wisma Tani, di sini semalam.

Pada 1994, negara mewartakan lima gugusan kepulauan mengikut model pengurusan sumber marin Australia dan Florida, Amerika, sebagai taman laut

berikutan cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1983, mengikut Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994 (Akta Perikanan Malaysia 1985).

Lima kepulauan itu ialah Taman Laut Pulau Payar, Kedah yang merangkumi empat pulau, Taman Laut Pulau Redang, Terengganu (11 pulau), Taman Laut Pulau Tioman, Pahang (sembilan pulau), Taman Laut Mersing, Johor (13 pulau) dan Taman Laut Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan (tiga pulau).